

Jadikan Blueprint Keterjaminan Makanan UPM panduan graduan untuk kesejahteraan rakyat – Naib Canselor UPM



SERDANG, 1 Disember – Graduan UPM diseru untuk menjadikan Blueprint Keterjaminan Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai panduan untuk menyumbang kepada agenda pembangunan keterjaminan makanan negara demi kesejahteraan rakyat.

Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata penerbitan Blueprint itu telah menyediakan modal insan yang berketerampilan tinggi dengan melahirkan graduan yang holistik dan berdaya tahan.

“Saya berharap para graduan memanfaatkan Blueprint ini sebagai sumber rujukan dalam mendepani cabaran yang mendatang dan graduan untuk memberi sumbangan yang berimpak tinggi kepada masyarakat,” katanya.

Tambah beliau, universiti komited dalam melahirkan idea baharu yang dinamik serta menyahut cabaran semasa global, khususnya penanda aras kualiti akademik dan penarafan global.

“Ini adalah sejajar dalam mendepani cabaran yang mendatang dan adalah selari dengan peranan dan fungsi penting UPM sebagai institusi pendidikan yang berkait rapat dengan pertanian,” katanya pada Majlis Konvokesyen UPM ke-48 Sidang 2 di sini hari ini.

Pada sesi itu, Pro-Canselor UPM, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah mengurniakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D), Ijazah Sarjana (Master), Bacelor dan Diploma kepada 805 graduan.

Dato’ Prof. Dr. Ahmad Farhan berkata, Pelancaran Pertanian Untuk Rakyat (PUTRA) oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor bagi menjenamakan semua aktiviti pengembangan pertanian dan keterjaminan makanan UPM adalah satu lagi pencapaian yang membanggakan.



"Pengurusan universiti percaya agenda PUTRA akan membantu universiti untuk terus memperkasakan kecemerlangannya dalam bidang pertanian di samping lain-lain bidang tujahan yang menjadi kekuatan UPM selama ini," katanya.

Beliau juga berharap para graduan sentiasa tonjolkan karakter mulia berpaksikan integriti dan semangat jati diri yang kental untuk graduan terus utuh dalam menghadapi cabaran dunia yang kian mencabar.

"Saya juga ingin berpesan sebagai anak muda, berpegang teguhlah kepada adab dan tatasusila sebagai perhiasan diri serta kekal menjunjung tinggi intipati Perlembagaan Persekutuan dan lima prinsip Rukun Negara," katanya.

Dalam pada itu, seramai 928 graduan pelbagai program agrobio telah bergraduasi berbanding tahun lalu seramai 328 graduan dan peningkatan ini menunjukkan lebih ramai generasi muda minat menceburi bidang pertanian selari dengan usaha UPM melalui pelan tindakan Blueprint Keterjaminan Makanan UPM.

Bilangan itu termasuk dalam jumlah 6,056 keseluruhan graduan pelbagai program pengajian yang akan menerima ijazah dan diploma masing-masing terdiri daripada seramai 608 penerima Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D), seramai 1,509 Ijazah Sarjana (Master), seramai 3,934 graduan Bachelor dan lima graduan Diploma.

